

MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KALI KETIGA

Tarikh : 2 Mei 2013
 Masa : 9.00 pagi
 Tempat : Bilik Mesyuarat Utama, Fakulti Perubatan dan Sains
 Kesihatan, Universiti Putra Malaysia
 Kehadiran : Lampiran A

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	PENDAHULUAN Kata Aluan Pengerusi - (a) mengalu-alukan kehadiran ahli mesyuarat ke Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan MS ISO 9001:2008 Universiti Putra Malaysia (UPM) kali ketiga. (b) memaklumkan audit pensijilan semula oleh SIRIM akan diadakan pada 13 hingga 17 Mei 2013	Makluman Makluman
3.1 Pengesahan Minit Mesyuarat	Minit mesyuarat kali kedua disahkan tanpa sebarang pindaan.	Makluman
3.2 Tindakan Susulan daripada Mesyuarat Lepas (Minit MKSP kali Ke-2)	Mesyuarat dimaklumkan berkenaan tindakan susulan yang telah dilaksanakan daripada mesyuarat yang lepas iaitu- 3.2.1 daripada minit 2.2.3 - Laporan Audit Dalaman 2011: Tindakan telah dilaksanakan dan keberkesanan tindakan dipantau pada audit Dalaman yang diadakan pada tahun 2013	Makluman

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>3.2.2 daripada minit 2.2.4 - Laporan Kajian Kepuasan Pelanggan: Kajian kepuasan pelanggan secara <i>online</i> dibuka sepanjang masa. Data terbaru yang dikumpul bagi sesi kedua tahun 2012 adalah bagi tempoh 9 April – 15 Oktober 2012. Jumlah responden mengikut skop adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Prasiswazah – 53 (b) Pascasiswazah – 241 (c) Penyelidikan dan Inovasi – 133 (d) Perkhidmatan Sokongan – 839 <p>3.2.3 daripada minit 2.2.10 - Laporan Kajian Kepuasan Pelanggan: Persepsi/komen yang diterima daripada responden Kajian Kepuasan Pelanggan telah dibincangkan di peringkat peneraju dan diambil tindakan.</p> <p>3.2.4 daripada minit 2.3.2 (c) - Laporan Audit Dalaman 2012: Semua 6 kekuatan, 7 kelemahan dan 6 Peluang penambahbaikan telah diambil maklum dan tindakan</p> <p>3.2.5 daripada minit 2.3.2 (e) - Laporan Audit Dalaman 2012: Pusat Tanggungjawab (PTJ) telah mengambil perhatian dan beberapa aktiviti telah dilaksanakan, antaranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Gerak Gempur semakan rekod kualiti (b) Pemantauan dan pengukuran proses secara berkala (c) Gotong royong membersihkan sekitar tempat kerja <p>3.2.6 daripada minit 2.3 – Kesimpulan Audit Dalaman 2012: Telah melaksanakan bengkel bersepada pada 18 – 19 April 2012 bagi penutupan ketakakuran (NCR) yang melibatkan semua Peneraju Proses yang berkenaan. PTJ telah mengemukakan punca dan cadangan tindakan pembetulan yang perlu dilaksanakan serta melaksanakan tindakan mengikut tempoh yang telah dipersetujui.</p> <p>3.2.7 daripada minit 2.4.1 – Maklum Balas Pelanggan: mesyuarat dimaklumkan mengenai aduan yang diterima iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Maklumbalas iDEC mengenai aduan ICT adalah seperti berikut: Setelah semakan dibuat, didapati bahawa 44 aduan tersebut merupakan pertanyaan perkhidmatan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) iDEC yang terdiri daripada Prosedur Pembangunan, Perkhidmatan Sokongan, Baik Pulih ICT dan Penyelenggaraan. Kekeliruan ini telah diperbaiki dengan penambahan status pada sistem 'HELPDESK' untuk mengasingkan aduan dengan perkhidmatan SPK. Sebanyak 44 permohonan perkhidmatan ICT telah diambil tindakan. 	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	(b) Maklumbalas Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA) mengenai aduan pembangunan adalah seperti berikut: Setelah semakan dibuat, terdapat 13 maklum balas yang sah, manakala 20 maklum balas tidak sah kerana maklum balas tersebut adalah aduan kerosakan. Aduan tersebut telah dimasukkan ke dalam sistem e-aduan PPPA. Bagi 13 maklum balas yang sah semua tindakan telah dilaksanakan.	Makluman
	(c) Maklumbalas Pejabat Naib Canselor mengenai aduan sikap adalah seperti berikut: Perincian aduan sikap staf telah dikemukakan kepada PTJ yang berkaitan untuk diambil tindakan diperingkat PTJ.	Makluman
3.2.8	daripada minit 2.4.1 (d) – Maklum Balas Pelanggan: Beberapa tindakan telah dilaksanakan oleh PTJ untuk membudayakan aktiviti penyelenggaraan peralatan bagi mengelakkan kerugian yang lebih besar, antaranya:	Makluman
	<ul style="list-style-type: none"> (a) Peralatan diselenggara secara berkala mengikut jadual yang ditetapkan, seperti komputer di makmal diselenggara setiap semester, server 3 kali setahun, projektor sekali setahun, dan sebagainya; (b) Melantik Pegawai Penyelaras Aset bagi memastikan semua peralatan untuk diselenggara diadukan kepada pegawai yang telah dilantik; (c) Menyediakan senarai peralatan yang perlu diselenggara mengikut kategori dan di bawah tanggungjawab seksyen/pegawai; (d) Pemantauan aktiviti penyelenggaraan/kalibrasi dilaksanakan melalui semakan kendiri secara berkala oleh juruaudit dalaman PTJ 	
3.2.9	daripada minit 2.4.1 (e) – Maklum Balas Pelanggan: PPPA telah membangunkan polisi dan diperingkat pemurnian. Polisi tersebut akan dibuat edaran kepada semua Pegawai kanan Universiti dalam Mesyuarat pegawai Kanan pada 2 Mei 2013.	Tindakan: Pengarah PPPA

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>3.2.10 daripada minit 2.4.2 (b) i. – Kajian Kepuasan Pelanggan: Tindakan yang diambil untuk meningkatkan jumlah responden adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Kajian kepuasan pelanggan dibuka sepanjang masa (b) Kempen untuk mengisi kajian kepuasan pelanggan atau ‘Open Day’, ‘Hari Bersama Pelangan’ (c) Menentukan jumlah minimum sampel (responden) bagi setiap PTJ dan menjadikannya sebagai KPI pentadbir PTJ (d) Edaran borang secara ‘hardcopy’ (e) ‘create awareness’ di kalangan TPKP PTJ (Perjumpaan PKPU bersama TPKP pada 21 Nov. 2012) 	Makluman
	<p>3.2.11 daripada minit 2.4.2 (b) ii – Kajian Kepuasan Pelanggan: Kajian kepuasan pelanggan secara <i>online</i> dibuka sepanjang masa sebagai salah satu kaedah untuk meningkatkan jumlah responden. Data terbaru yang dikumpul bagi sesi kedua tahun 2012 adalah bagi tempoh 9 April – 15 Oktober 2012.</p>	Makluman
	<p>3.2.12 daripada minit 2.4.2 (c) dan (d) – Kajian Kepuasan Pelanggan: Peneraju telah mengenalpasti punca dan tindakan pembetulan tidak mencapai skor <i>mean</i> yang ditetapkan bagi tahun 2012, iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Punca: Penyelidik tidak <i>alert</i> dengan e-survey/online, hebahan tidak menyeluruh, dan soalan survey kurang difahami oleh responden. (b) Tindakan pembetulan: Tentukan saiz sampel yang mencukupi dan sediakan senarai responden mengikut kluster penyelidikan, PTJ pantau dan ada tindakan susulan, Pihak Pejabat TNCPI telah membuat pindaan soalan kajian Borang Kajian Kepuasan Pelanggan Penyelidikan dan Inovasi 	Makluman
	<p>3.2.13 daripada minit 2.4.2 (e) i – Kajian Kepuasan Pelanggan: Tindakan yang dilaksanakan oleh PTJ bagi penilaian Kualiti perkhidmatan dan kualiti profesionalisme yang tidak mencapai sasaran adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Menambah kemudahan dewan tutorial untuk pelajar; (b) Menambah tempat duduk pelajar di ruang menunggu; (c) Menambah tempat duduk pelajar di Foyer; (d) Menambah <i>flip chart</i> untuk kemudahan. 	Makluman

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/MAKLUMAN
	3.2.14 daripada minit 2.4.2 (e) ii – Kajian Kepuasan Pelanggan: Permohonan geran penyelidikan dengan lebih agresif dibuat untuk meningkatkan sasaran bagi item Pengurusan Penyelidikan	Makluman
	3.2.15 daripada minit 2.4.2 (e) iii – Kajian Kepuasan Pelanggan: Tindakan yang dilaksanakan oleh Peneraju Proses untuk meningkatkan sasaran Proses Perkhidmatan Sokongan bagi item Kemudahan Komunikasi dan Kemudahan Fizikal Lain adalah dengan membuka Kajian kepuasan pelanggan secara <i>online</i> sepanjang masa. Data terbaru yang dikumpul bagi sesi kedua tahun 2012 adalah bagi tempoh 9 April – 15 Oktober 2012 menunjukkan peratusan responden yang menilai pada skor purata 3.5 dan ke atas mengikut kategori telah meningkat dan mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu Kemudahan komunikasi sebanyak 79.9% dan Kemudahan fizikal sebanyak 82.6%.	Makluman
	3.2.16 daripada minit 2.4.2 (f) – Kajian Kepuasan Pelanggan: Bahagian Perancangan Korporat (BPK) telah melaksanakan perbincangan diperingkat universiti bagi menentukan pelaporan yang sesuai dengan kajian kepuasan pelanggan. Keputusan semasa perbincangan pada 26 April 2013 menetapkan bahawa sasaran 70% responden yang memilih skala 4 dan 5.	Makluman
	3.2.17 daripada minit 2.5.1 – Status Tindakan Pencegahan: mengambil makluman sebanyak 5 tindakan pencegahan yang telah diambil tindakan bagi memastikan sasaran KPI UPM bagi tahun 2012 dapat dicapai (Rujuk Lampiran 1).	Makluman
	3.2.18 daripada minit 2.6.2 (a) – Perubahan yang Memberi Kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti: PTJ telah mengambil maklum mengenai penurunan kuasa/tanggungjawab kepada Ketua PTJ bagi proses pelantikan profesor kontrak dan mengambil tindakan iaitu – <ul style="list-style-type: none"> (a) Setiap lantikan profesor kontrak di fakulti adalah berlandaskan keupayaan mereka dan sasaran/KPI universiti; (b) Fakulti menentukan KPI Profesor Kontrak selaras dengan KPI Profesor penuh masa; (c) Memantau pencapaian felo penyelidik, post-doc dan penyelidik bersekutu secara berterusan sejajar dengan KPI; (d) Menyambung kontrak Profesor yang menyumbang kepada KPI universiti dan peningkatan penerbitan dan geran penyelidikan 	Makluman

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>3.2.19 daripada minit 2.6.2 (b) – Perubahan yang Memberi Kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti: PTJ telah mengambil maklum mengenai Flexi-SKT untuk pegawai akademik dan dimaklumkan bahawa –</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) pegawai akademik fakulti banyak menyumbang dalam bidang penerbitan dan penyelidikan (b) amalan flexi-SKT telah dilaksanakan kepada semua staf akademik; (c) dapat mengekalkan status 5 bintang MYRA <p>3.2.20 daripada minit 2.6.2 (c) – Perubahan yang Memberi Kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti: PTJ telah mengambil maklum mengenai pembentukan dan pelaksanaan Indeks Prestasi PTJ (<i>star rating</i>) dan dimaklumkan bahawa hasil daripada pelaksanaan ini:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) dapat meningkatkan <i>star rating</i>; (b) meningkatkan ‘copyright’ program dan mohon geran penyelidikan luar; (c) mengambil langkah menjimatkan kos operasi dalam semua aktiviti yang dijalankan secara berterusan ; (d) meningkatkan aktiviti menjana pendapatan dengan meningkatkan kualiti, kecekapan analisis, menawarkan analisis/ujian baru dan meningkatkan promosi/jaringan dengan pihak industri; (e) mengambil langkah penamaian secara berterusan. <p>3.2.21 daripada minit 2.6.2 (d) – Perubahan yang Memberi Kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti: Mesyuarat mengambil makluman mengenai penubuhan UPM-i yang bertujuan untuk mempromosi UPM, meningkatkan pengambilan pelajar antarabangsa, dan meningkatkan kecekapan pengurusan perkhidmatan kepada pelajar antarabangsa. Mesyuarat dimaklumkan bahawa tindakan dilaksanakan mengikut fungsi penubuhan.</p> <p>3.2.22 daripada minit 2.6.2 (e) – Perubahan yang Memberi Kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti: Mesyuarat mengambil makluman mengenai pemusatan staf teknologi maklumat dan dimaklumkan bahawa perkhidmatan diberikan adalah berdasarkan fungsi menerusi perkhidmatan berpusat dan perkhidmatan mengikut zon.</p> <p>3.2.23 daripada minit 2.6.2 (f) – Perubahan yang Memberi Kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti: Mesyuarat mengambil makluman mengenai perubahan kontrak sewaan MTDC dan dimaklumkan bahawa Pejabat Penasihat Undang-Undang (PPUU) bertindak sebagai penasihat dan membuat perjanjian ke atas sebarang perubahan kontrak. Walau bagaimanapun keputusan perbincangan adalah diantara Bursar UPM dan MTDC.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>3.2.24 daripada minit 2.6.2 (g) – Perubahan yang Memberi Kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti: Mesyuarat mengambil makluman mengenai pelaksanaan u-RESPONS sebagai sistem maklumbalas pelanggan berpusat dan dimaklumkan bahawa naik taraf sistem u-Respons telah berkuatkuasa pada Januari 2013.</p> <p>3.2.25 daripada minit 2.6.2 (h) – Perubahan yang Memberi Kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti: Mesyuarat mengambil makluman mengenai semakan semua kontrak yang tidak memihak kepada UPM dan dimaklumkan bahawa Semakan ke atas kontrak yang tidak memihak kepada UPM adalah tertakluk kepada persetujuan kedua-dua pihak yang memasuki transaksi perjanjian.</p> <p>3.2.26 daripada minit 2.7 – Peluang Penambahbaikan: Mesyuarat mengambil makluman sebanyak 11 peluang penambahbaikan yang dilaporkan pada tahun 2012 telah diambil tindakan (Rujuk Lampiran 2).</p> <p>3.2.27 daripada minit 2.7.2 – Peluang Penambahbaikan: Mesyuarat mengambil makluman mengenai keselamatan bangunan yang tidak memenuhi spesifikasi. Dimaklumkan bahawa Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA):</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) dalam proses mengenal pasti bangunan yang tidak selamat khususnya yang berusia lebih 20 tahun. (b) telah memohon peruntukan dalam <i>3rd Rolling Plan</i>. (c) akan menganjurkan kursus Pemeriksaan Keselamatan Bangunan dan peserta yang terlibat adalah wakil dari setiap PTJ. <p>3.2.28 daripada minit 2.8.1 (b) – Hal-hal Lain: Mesyuarat mengambil makluman mengenai penglibatan pelajar membantu dalam aktiviti universiti iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Projek laluan pejalan kaki dan laluan basikal di kampus Serdang - Pihak Universiti menggunakan khidmat pelajar dalam kajian yang dijalankan untuk menentukan masa yang diambil untuk berjalan kaki dan berbasikal dari satu destinasi ke satu destinasi agar projek yang bakal dilaksanakan yang telah dirancang dapat memenuhi kehendak pelanggan dan mencapai sasaran yang ditetapkan. (b) Minggu Perkasa Putra - Pihak Universiti melantik pelajar sebagai fasilitator di peringkat Universiti dan Kolej Kediaman dalam memastikan program Minggu Perkasa Putra berjalan seperti yang dirancang bagi menampung kekurangan pegawai bertugas. 	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>(c) Pendaftaran pelajar baharu - Pihak Universiti melantik pelajar bagi membantu urusan operasi pendaftaran pelajar sebelum dan sehingga selesai urusan pendaftaran. Pelajar terlibat membantu urusan pendaftaran pelajar baharu di semua Kolej Kediaman semasa pelajar baharu hendak mendaftar masuk di Universiti, termasuk mewakili Universiti sebagai penyambut tetamu kepada ibu bapa pelajar, dan semasa pergerakan pelajar dari tempat parkir ke Kolej-Kolej Kediaman.</p> <p>(d) Majlis Konvokesyen - Pelajar yang menyertai PALAPES terlibat dengan acara perbarisan tabik kehormat Tuanku Canselor. Pelajar yang menyertai SUKSIS terlibat sebagai pegawai pengiring kepada wakil-wakil IPTA yang hadir semasa Konvokesyen. Pelajar-pelajar juga dilantik sebagai petugas bagi memastikan kelancaran pergerakan kenderaan ibu bapa, dan Pelajar juga terlibat dalam mengendalikan program <i>wall climbing</i>, pertandingan memancing, persempahan pentas, jualan hasil pertanian dan sukaneka Pesta Konvo.</p> <p>(e) Persembahan kebudayaan untuk majlis rasmi Universiti - Pelajar terlibat dalam mempersembahkan seni kebudayaan seperti tarian, nyanyian, nasyid dan bacaan Al-Quran semasa majlis rasmi yang dilaksanakan seperti, Konvokesyen, Alumni <i>Home Coming</i>, majlis Gemilang Akademia, majlis berbuka puasa bersama Tuanku Canselor, majlis jamuan Hari Raya, Pesta Konvokesyen dan Mini MAHA.</p> <p>3.2.29 daripada minit 2.8.2 (b) – Hal-hal Lain: Mesyuarat mengambil makluman mengenai Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan dimaklumkan bahawa pemantauan secara berkala dibuat pada mesyuarat Jawatankuasa Jaminan Kualiti (JKJK). Dimaklumkan juga UPM akan menghantar 2 kumpulan KIK ke Konvensyen KIK peringkat IPTA di Universiti Utara Malaysia pada 20 hingga 22 Mei 2013.</p> <p>3.2.30 daripada minit 2.8.3 (b) – Hal-hal Lain: Mesyuarat mengambil makluman mengenai Laporan Ketakakuruan (NCR) Tegar dan PTJ telah mengambil maklum dan mengambil tindakan antaranya adalah:</p> <p>(a) mengenal pasti individu yang terlibat dan berusaha untuk mengatasi ketakakuruan tegar bagi sesi audit yang akan datang;</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>(b) melaksanakan semakan kendiri secara berterusan bagi memastikan ketakuran (tegar) tidak berulang dan memastikan individu yang terlibat menjalani latihan yang bersesuaian;</p> <p>(c) mengadakan taklimat/kesedaran SPK kepada staf yang terlibat supaya ketakuran tidak berulang.</p> <p>3.2.31 daripada minit 2.8.4 – Hal-hal Lain: Mesyuarat mengambil makluman mengenai Peningkatan Penggunaan Sistem ICT dan dimaklumkan bahawa Pusat Pembangunan Maklumat dan komunikasi (iDEC) telah melaksanakan 2 inisiatif dalam usaha meningkatkan penggunaan ICT iaitu pemindahan proses manual kepada <i>online</i>; dan pemusatan proses dan data.</p> <p>3.2.32 daripada minit 2.8.5 – Hal-hal Lain: Mesyuarat mengambil makluman mengenai Pelaksanaan Kerja Lebih Masa dan mengambil tindakan antaranya adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) memantau terhadap perlaksanaan kerja lebih masa dengan memastikan bahawa kerja lebih masa diluluskan untuk tugas-tugas yang perlu dan penting sahaja; (b) mengeluarkan surat kelulusan kerja lebih masa sebelum kerja dilakukan; (c) menghadkan kerja lebih masa kepada keperluan makmal mengikut jadual waktu dan tempahan sahaja; (d) menyediakan jadual rancangan kerja lebih masa secara bulanan, dan membuat giliran kepada staf bertugas; (e) membenarkan kerja lebih masa hanya kepada kerja/tugas yang mendesak dengan kebenaran Penyelia. <p>3.3 Penemuan Audit</p> <p>3.3.1 Audit Pensijilan Semula oleh SIRIM</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan pembentangan laporan audit Pensijilan Semula oleh SIRIM (Rujuk Lampiran 3) dan mengambil makluman bahawa -</p> <p>(a) Audit Pensijilan Semula MS ISO 9001:2008 oleh SIRIM pada 12-15 Jun dan 19-22 Jun 2012. Sepanjang audit, seramai 11 orang Juruaudit telah terlibat bagi mengaudit skop perkhidmatan pengajian pendidikan di peringkat <i>tertiary</i>, pengurusan dan pelaksanaan penyelidikan, perhubungan industri dan masyarakat, pengurusan pembangunan pelajar dan alumni, dan perkhidmatan korporat.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>(b) Hasil Audit Pensijilan Semula, terdapat 6 ketakakuran (10 bukti objektif) dan 31 peluang penambahbaikan.</p> <p>(c) Kesemua bukti objektif untuk penutupan ketakakuran (NCR) telah dimajukan kepada SIRIM dalam tempoh tiga (3) bulan seperti yang ditetapkan dan telah ditutup.</p> <p>3.3.2 Audit Dalaman 2013</p> <p>Mesyuarat-</p> <p>(a) dimaklumkan pembentangan laporan audit yang disediakan oleh Ketua Juruaudit Dalaman UPM (rujuk Lampiran 4) dan mengambil maklum pelaksanaan audit dalaman Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) telah diadakan pada 25 hingga 28 Februari dan 4 hingga 7 Mac 2013. yang bertujuan untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. menentukan UPM telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti mengikut keperluan Standard MS ISO 9001:2008 dan bersedia untuk menghadapi Audit Pemantauan oleh badan pensijilan. ii. mengenal pasti peluang penambahbaikan untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan sistem penyampaian UPM. <p>(b) dimaklumkan bahawa skop audit adalah menyeluruh dan pengurusan, prasiswazah, siswazah, penyelidikan dan inovasi dan proses sokongan, dan operasi perkhidmatan melibatkan semua Pusat Tanggungjawab kecuali Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan, Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa dan Pusat Sains Marin.</p> <p>(c) mengambil makluman dan perhatian terhadap lima (5) kekuatan, enam (6) kelemahan/cadangan hasil daripada penemuan audit yang dilaporkan oleh Ketua Juruaudit Dalaman UPM.</p> <p>(d) memandang serius dan mengambil tindakan keatas 2 isu yang dilaporkan kerana telah menerima teguran daripada pihak SIRIM dalam tempoh 2 tahun berturut-turut dan masih dijumpai di dalam audit Dalaman iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. isu Kolej yang telah diserahkan urus pada PJSD atau UPM Holdings. ii. isu bahan kimia luput, bahan kimia yang dibuka tidak dicatatkan, markah yang tidak sama antara SMP dan data mentah serta alat tentukuran. 	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Tindakan: TNC HEPA</p> <p>Tindakan: Semua Ketua PTJ</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>(e) diminta mengambil perhatian dan tindakan berhubung beberapa penemuan audit bagi lima (5) klausa ketakakuran yang tertinggi iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. klausa 7.5.1 - Perancangan untuk Realisasi Produk mempunyai sebanyak 66 OE (29.1%); ii. klausa 4.2.4 - Kawalan Rekod sebanyak 36 OE (15.9%). iii. klausa 8.2.4 - Pemantauan dan Pengukuran Proses sebanyak 16 OE (7.0%). iv. klausa 6.4 - Persekutaran Kerja sebanyak 9 OE (4.0%). v. klausa 5.5.1 - Tanggungjawab dan Kuasa sebanyak 9 OE (4.0%). <p><u>Kesimpulan:</u></p> <p>Selepas menerima dan mengkaji semula laporan, mesyuarat memutuskan bahawa-</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) UPM telah melaksanakan SPK satu pensijilan dengan baik pada keseluruhannya. (b) Walau bagaimanapun, namun kelemahan dan cadangan penambahbaikan yang ditemui/dikemukakan perlu diambil tindakan yang berkesan. 	<p>Tindakan: Semua ahli Mesyuarat</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
3.4	<h3>3.4 Maklum Balas Pelanggan dan Kajian Kepuasan Pelanggan</h3> <h4>3.4.1 Maklum balas Pelanggan</h4> <p>Mesyuarat mengambil maklum laporan maklum balas pelanggan UPM dalam tempoh 23 Jun 2012 hingga 30 Mac 2012 (Rujuk Lampiran 5) dan-</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) mendapati bahawa bilangan maklum balas yang diterima mangikut kategori adalah sebanyak 347 aduan, sebanyak 146 cadangan, sebanyak 32 penghargaan , dan sebanyak 1294 pertanyaan. (b) mengambil makluman pada jumlah maklum balas mengikut jenis pengguna iaitu: <ul style="list-style-type: none"> i. seramai 778 (43%) maklum balas diterima daripada orang awam; ii. seramai 677 (37%) maklum balas diterima daripada pelajar; iii. seramai 314 (17%) maklum balas diterima daripada staf UPM; dan iv. seramai 50 (3%) maklum balas diterima daripada orang awam. 	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>(c) dimaklumkan bahawa sebanyak 72 maklum balas yang masih dalam proses tindakan penutupan</p> <p>(d) meminta supaya Peneraju Proses menyediakan laporan analisis perbandingan penerimaan maklum balas tahun semasa dengan tahun sebelumnya.</p> <p>Kesimpulan:</p> <p>Selepas menerima dan mengkaji semula laporan, mesyuarat memutuskan supaya semua maklum balas yang diterima perlu diteliti, ditentukan punca ketakakuran dan mengambil tindakan sewajarnya supaya dapat menambahbaik perkhidmatan yang diberi.</p> <p>3.4.2 Kajian Kepuasan Pelanggan</p> <p>Mesyuarat –</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) mengambil makluman laporan kajian kepuasan pelanggan yang telah dijalankan pada 21 Mac hingga 31 Disember 2012 (Rujuk Lampiran 6). (b) dimaklumkan bahawa pengumpulan data dilaksanakan menggunakan borang soal selidik secara <i>online</i> termasuk kajian lain mengikut keperluan dan fungsi spesifik PTJ. (c) mengambil makluman taburan responden mengikut skop perkhidmatan, dan mesyuarat - <ul style="list-style-type: none"> i. mendapati berlaku penurunan peratusan responden keseluruhan antara tahun 2011 berbanding 2012 iaitu sebanyak 6%. ii. dimaklumkan berlaku peningkatan responden bagi skop Penyelidikan dan Inovasi sebanyak 56%, dan skop Perkhidmatan sokongan sebanyak 3%. iii. mengambil makluman penurunan responden bagi skop pengajian prasiswazah sebanyak 36% dan skop pengajian pasca siswazah sebanyak 27%. Mesyuarat meminta supaya mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya untuk meningkatkan jumlah responden pada kajian akan datang bagi skop . 	<p>Makluman</p> <p>Tindakan: TWP Pengurusan Penyelaras Kepuasan pelanggan Universiti</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Tindakan: TWP Prasiswazah dan TWP Siswazah</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>(d) mengambil makluman perbandingan pencapaian bagi sasaran tahunan antara tahun 2011 dan 2012. Mesyuarat dimaklumkan berlaku peningkatan peratus pencapaian bagi semua skop perkhidmatan. Peningkatan ini disebabkan perubahan kaedah pengukuran iaitu daripada 70% yang menilai skala 4 dan ke atas pada tahun 2011 kepada 70% responden yang menilai skor mean 3.5 dan ke atas pada tahun 2012.</p> <p>(e) mengambil maklum peratusan pencapaian indeks kepuasan pelanggan mengikut kategori item, dan mesyuarat mendapati bahawa terdapat beberapa kategori penilaian mengikut kategori item yang tidak mencapai sasaran sebanyak 70% dan Peneraju diminta menyelaras dan mengambil tindakan pada ketakakuruan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Proses Prasiswazah: Kualiti perkhidmatan sebanyak 66.5%. ii. Proses pasca siswazah: Kualiti perkhidmatan sebanyak 69.8%. iii. Proses Penyelidikan dan Inovasi: Pengurusan Penyelidikan di Pejabat TNCPI / RMC sebanyak 49.2%, dan Pelaksanaan dan pemantauan penyelidikan di PTJ iv. Proses Perkhidmatan Sokongan: Kemudahan Komunikasi sebanyak 67.6% dan Kemudahan Fizikal Lain sebanyak 67.5%. <p>(f) mengambil maklum taburan penilaian (komen) pelanggan yang tertinggi mengikut kategori maklum balas iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. skop perkhidmatan Penyelidikan dan Inovasi menerima maklum balas tertinggi bagi 2 kategori iaitu penghargaan sebanyak 35 dan cadangan sebanyak 214. ii. Skop perkhidmatan sokongan menerima sebanyak 50 aduan. <p>Kesimpulan:</p> <p>Selepas menerima dan mengkaji semula laporan, mesyuarat memutuskan bahawa UPM akan mengambil tindakan mengikut keutamaan, terhadap penemuan kajian kepuasan pelanggan berdasarkan sumber sedia ada bagi meningkatkan kepuasan pelanggan.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Tindakan: TNC AA / TWP Prasiswazah</p> <p>Tindakan: TNC AA / Dekan SPS</p> <p>Tindakan: TNC PI, Ketua PTJ, TWP TNC PI, TWP PTJ</p> <p>Tindakan: Pengarah iDEC, Pengarah PPPA, Ketua PTJ</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
3.4	<p>Prestasi Proses dan Kepatuhan Produk/Perkhidmatan</p> <p>Mesyuarat –</p> <p>3.4.1 dimaklumkan bahawa Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM telah disedia dan disemak oleh Pengurusan Universiti bersama semua Peneraju. Pencapaian bagi sasaran KPI yang ditetapkan telah dibincang dan dibentangkan pada siri bengkel setiap sukuan tahun bersama Pengurusan Universiti dan Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ).</p> <p>3.4.2 mengambil maklum laporan pencapaian KPI UPM bagi sukuan keempat (Q4) 2012 (Rujuk Lampiran 7) dan mesyuarat mendapati bahawa sebanyak 46 indikator utama telah diukur bagi Q4 2012, dan pencapaiannya adalah sebanyak 95.27% berbanding tahun 2011 sebanyak 92.74%. Didapati bahawa terdapat peningkatan.</p> <p>3.4.3 dimaklumkan mengenai pencapaian mengikut pecahan Peneraju iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Akademik sebanyak 96.29%; (b) Penyelidikan dan inovasi sebanyak 85.99%; (c) Hal ehwal pelajar sebanyak 98.28%; (d) Jaringan industri dan masyarakat sebanyak 97.38%; (e) Sumber manusia sebanyak 88.93%; (f) Pengurusan kewangan sebanyak 100%; dan (g) Perkhidmatan perpustakaan sebanyak 100%. <p><u>Kesimpulan:</u></p> <p>Selepas menerima dan mengkaji semula laporan, mesyuarat memutuskan bahawa pencapaian KPI 2012 berbanding <i>baseline</i> 2011 telah dapat melepassi sasaran yang ditetapkan dan tindakan sewajarnya telah dan sedang diambil bagi mana-mana sasaran yang tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
3.5	<p>Status Tindakan Pencegahan dan Tindakan Pembetulan</p> <p>3.5.1 Tindakan Pencegahan</p> <p>(a) Mesyuarat meneliti laporan status tindakan pencegahan UPM bagi tempoh 23 Jun 2012 hingga 30 Mac 2013 iaitu sebanyak 5 tindakan telah dibuat bagi mengelakkan ketakakuran berlaku (Rujuk Lampiran 8).</p>	<p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/MAKLUMAN
	<p>3.5.2 Tindakan Pembetulan</p> <p>(a) Mesyuarat meneliti laporan status tindakan pembetulan UPM yang direkodkan bagi tempoh 23 Jun 2012 hingga 30 Mac 2013 iaitu sebanyak 8 ketakakuran (Rujuk Lampiran 9).</p> <p><u>Kesimpulan:</u></p> <p>Setelah menerima dan meneliti status tindakan pencegahan dan tindakan pembetulan serta ringkasan status tindakan (rujuk Lampiran 10), UPM mendapati bahawa tindakan pencegahan dan tindakan pembetulan direkodkan dan dilaksanakan secara berterusan ke atas Sistem Pengurusan Kualiti untuk meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan bagi mencapai KPI Universiti.</p>	Makluman
3.6	<p>Perubahan yang Memberi Kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti</p> <p>Mesyuarat –</p> <p>3.6.1 dimaklumkan bahawa laporan perubahan yang memberi kesan kepada SPK ini merangkumi aspek perubahan yang dilihat dari segi penstrukturran organisasi, perubahan terhadap proses kerja melalui teknologi dan inovasi, laporan pencapaian KPI UPM dan sebagainya yang memberi kesan kepada sistem penyampaian perkhidmatan pencapaian universiti secara keseluruhan.</p> <p>3.6.2 meneliti laporan Perubahan yang Memberi Kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) dan dimaklumkan berkenaan empat belas (14) perubahan dilaporkan yang memberi impak besar kepada Universiti (Rujuk Lampiran 11).</p> <p>3.6.3 dimaklumkan bahawa lima (5) perubahan yang memberi kesan kepada SPK yang dilaporkan masih dalam proses tindakan pelaksanaan, iaitu:</p> <p>(a) Tranformasi sistem pengangkutan dalam kampus – Menggalakkan gaya hidup sihat; Meningkatkan kualiti alam sekitar menerusi pengurangan bas dalam kampus; Mengurangkan jarak pergerakan pelajar antara kolej kediaman dengan dewan kuliah; Penjimatan sewaan bas yang boleh digunakan untuk meningkatkan prasarana laluan pejalan kaki dan berbasikal.</p>	Makluman Makluman Makluman Makluman Makluman Makluman Makluman Makluman Tindakan: TNC (HEPA) / TWP HEPA

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>(b) Klinik pengembangan Putra – Menjadi pusat rujukan untuk industri dan petani supaya program pemindahan teknologi dapat memberikan impak yang signifikan.</p> <p>(c) Penubuhan Muzium Warisan Melayu – Mengkomunikasikan warisan tinggalan cendekiawan (artifik melayu) terdahulu yang dapat mendorong dan mencabar generasi pendidik, penyelidik dan pelajar untuk menyingkap rahsia kecemerlangan silam yang telah berjaya menubuhkan tamadun hebat.</p> <p>(d) Pembentukan geran insentif pengajaran dan pembelajaran (GIPP) - membiayai aktiviti penyelidikan pegawai akademik UPM, bertujuan untuk meningkatkan pembangunan dan kecemerlangan kualiti pengajaran dan pembelajaranmeningkatkan pembangunan dan kecemerlangan kualiti pengajaran dan pembelajaran.</p> <p>(e) Memasang palang elektronik dan pagar keliling kampus - Penambahbaikan bagi mengwujudkan sistem keselamatan yang lebih berkesan dan selamat.</p> <p><u>Kesimpulan:</u></p> <p>Selepas menerima dan mengkaji semula laporan, mesyuarat memutuskan bahawa UPM telah melaksanakan perubahan yang memberi kesan kepada pelaksanaan SPK secara berterusan untuk meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan dan mencapai tahap kepuasan pelanggan.</p>	<p>Tindakan: Pengarah Pusat Transformasi Komuniti Universiti</p> <p>Tindakan: Dekan FBMK</p> <p>Tindakan: TNC PI, TWP TNC PI</p> <p>Tindakan: Bahagian Keselamatan</p> <p>Makluman</p>
3.7 Peluang Penambahbaikan	<p>Mesyuarat-</p> <p>3.7.1 dimaklumkan bahawa laporan peluang penambahbaikan ini direkodkan daripada hasil penemuan kajian kepuasan pelanggan, pemantauan proses produk/perkhidmatan, analisis data, hasil laporan pencapaian KPI UPM dan sebagainya.</p> <p>3.7.2 meneliti laporan peluang penambahbaikan bagi tempoh 23 Jun 2012 hingga 30 Mac 2013 adalah sebanyak 6 yang disenaraikan (rujuk Lampiran 12). Mesyuarat meminta supaya melaksanakan tindakan yang dilaporkan mengikut tarikh/tempoh yang dinyatakan.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman / Tindakan: Ketua PTJ yang berkaitan</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/MAKLUMAN
3.8	<p><u>Kesimpulan:</u></p> <p>Selepas menerima dan mengkaji semula laporan, mesyuarat memutuskan peluang penambahbaikan hendaklah dilaksanakan secara berterusan untuk meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.</p> <p>Hal-hal Lain</p> <p>3.8.1 Kelulusan Cadangan Pindaan Dokumen</p> <p>Mesyuarat-</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) menerima dan meneliti cadangan pindaan dokumen bagi skop pengurusan iaitu Manual Kualiti dan Prosedur Audit Dalaman (Rujuk Lampiran 13). (b) bersetuju dengan cadangan pindaan dokumen dan akan berkuatkuasa pada 9 Mei 2013. <p>3.8.2 Pergerakan Juruaudit semasa Audit Pemantauan SIRIM</p> <p>Mesyuarat-</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) mengambil makluman pihak SIRIM akan melaksanakan Audit Pemantauan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 pada 13 hingga 17 Mei 2013. (b) dimaklumkan mengenai pergerakan Juruaudit sepanjang audit di Pusat Tanggungjawab (Rujuk Lampiran 14). <p>KESIMPULAN KESELURUHAN</p> <p>Secara keseluruhannya mendapati bahawa Dasar Kualiti Universiti Putra Malaysia (UPM) adalah sesuai dan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) UPM bagi tempoh Jun 2012 hingga Mac 2013 adalah mencukupi dan berkesan. Keseluruhannya pencapaian KPI UPM Q4 2012 adalah cemerlang iaitu sebanyak 95.27%. Bagi sasaran KPI Q4 2012 yang masih belum tercapai, tindakan pembetulan telah dilaksanakan. Cadangan penambahbaikan telah dipersetujui sebagai salah satu tindakan penambahbaikan berterusan kepada SPK UPM.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Tindakan: Bahagian Jaminan Kualiti UPM</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>PENANGGUHAN</p> <p>Mesyuarat tamat pada jam 10.45 pagi dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.</p>	

MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) KALI KE-3

Tarikh : 2 Mei 2013 (Khamis)
Masa : 9:00 pagi – 1:00 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama, Aras 4, FPSK

HADIR		
1.	YBhg. Profesor Datuk Dr. Mohd. Fauzi Hj. Ramlan (Pengerusi)	Pejabat Naib Canselor
2.	YBhg. Profesor Datin Paduka Dr. Aini binti Ideris	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
3.	YBhg. Profesor Dato' Ir. Dr. Mohd. Saleh bin Jaafar	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
4.	YBhg. Profesor Dr. Mohammad Shatar bin Sabran	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
5.	YBhg. Profesor Dr.-Ing. Ir. Renuganth Varatharajoo	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)
6.	YBhg. Dato' Wan Azman bin Wan Omar	Pejabat Pendaftar
7.	Encik Zulkiflee bin Othman	Pejabat Bursar
8.	Encik Amir Hussain bin Md. Ishak	Perpustakaan Sultan Abdul Samad
9.	YBhg. Profesor Dr. Abdul Shukor bin Juraimi	Fakulti Pertanian
10.	YBhg. Profesor Datin Dr. Faridah Hanum binti Ibrahim	Fakulti Pertanian
11.	YBhg. Profesor Dr. Mohd. Hair bin Bejo	Fakulti Perubatan Veterinar
12.	YBhg. Profesor Dr. Ab. Rahim bin Bakar	Fakulti Pengajian Pendidikan
13.	YBhg. Profesor Dr. Zainal Abidin bin Talib	Fakulti Sains
14.	Profesor Madya Dr. Abdul Mua'ti @ Zamri bin Ahmad	Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
15.	YBhg. Profesor Dr. Hajjah Rahinah binti Ibrahim	Fakulti Rekabentuk dan Senibina
16.	YBhg. Profesor Dr. Norlijah binti Othman	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
17.	YBhg. Profesor Dr. Mohd. Ali bin Hassan	Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul
18.	Profesor Madya Dr. Ramdzani bin Abdullah	Fakulti Pengajian Alam Sekitar
19.	YBhg. Profesor Dr. Bujang Kim Huat	Sekolah Pengajian Siswazah
20.	YBhg. Profesor Dr. Japar Sidek bin Bujang	Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, UPM KB
21.	YBhg. Profesor Dr. Abdul Rahman bin Omar	Institut Biosains
22.	YBhg. Profesor Dato' Dr. Kamel Ariffin bin Mohd. Atan	Institut Penyelidikan Matematik
23.	YBhg. Profesor Dr. Russly bin Abd. Rahman	Institut Penyelidikan Produk Halal
24.	Profesor Madya Dr. Bahaman bin Abu Samah Institut Pengajian Sains Sosial	Institut Pengajian Sains Sosial
25.	YBhg. Profesor Dr. Paridah binti Md. Tahir	Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan

LAMPIRAN A
SENARAI KEHADIRAN

HADIR		
26.	Profesor Madya Dr. Shamala a/p K. Subramaniam	Akademi Sukan
27.	Profesor Madya Dr. Nordin bin Abdul Rahman	Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC UPM)
28.	YBhg. Profesor Dr. Mahiran binti Basri	Pusat Asasi Sains Pertanian
29.	Tuan Haji Anuar bin Haji Ahmad	Pusat Kebudayaan & Kesenian SSAAS
30.	Profesor Madya Dr. Mansor bin Abu Talib	Pusat Alumni
31.	Profesor Madya Dr. Azizan bin Asmuni Pengarah, Pusat Hubungan dan Jaringan Industri	Pusat Hubungan dan Jaringan Industri
32.	Profesor Madya Dr. Samsul Bahari bin Mohd. Noor	Pej. Pemb. dan Pengurusan Aset
33.	Dr. Mohd. Rafee bin Baharudin	Pej. Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan
34.	Profesor Madya Dr. Shameem Mohd. Rafik Khan	Pejabat Pemasaran dan Komunikasi
35.	YBhg. Profesor Dr. Abd. Wahid bin Haron	Taman Pertanian Universiti
36.	YBhg. Profesor Madya Dr. Samsilah binti Roslan	Putra Science Park
37.	Dr. Amini Amir bin Abdullah	Kolej Kelima
38.	Profesor Madya Dr. Haji Jamaludin bin Haji Ahmad	Kolej Keenam
39.	Lt. Kolonel Othman bin Jailani	Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah
40.	Profesor Madya Dr. Farinazleen binti Mohamad Ghazali	Kolej Pendeta Za'ba
41.	Profesor Madya Dr. Zulkiflle bin Leman	Kolej Sepuluh
42.	Puan Iza Dura binti Abdul Manan	Kolej Sebelas
43.	Dr. Omrah bin Hassan @ Hussin	Kolej Empat Belas
44.	Dr. Paiman bin Bawon	Pengetua, Kolej Enam Belas
45.	Puan Zainora binti Abdul Talib	Bahagian Audit Dalam
46.	Dr. Yahaya bin Abu Ahmad	Pusat Kesihatan Universiti
47.	Tuan Haji Hamzah bin Haji Ismail	Pusat Sukan
48.	Encik Mohd. Nazri bin Md. Yassin	Pejabat Naib Canselor
49.	Tuan Haji Rosdi bin Wah	Pejabat TNC (Akademik & Antarabangsa)
50.	Encik Suhaifi bin Sulaiman	Sekolah Pengajian Siswazah
51.	Puan Chek Zan binti Kasah	Pejabat TNC (Penyelidikan & Inovasi)
52.	Tuan Haji Hashim bin Md. Shari	Pejabat TNC (HEP & Alumni)
53.	Puan Nor Adida binti Ab. Khalid	Pejabat TNC (Jaringan Industri & Masyarakat)
54.	Puan Rohani bt. Abdul Latiff	Pejabat Bursar
55.	Puan Siti Rozana binti Supian	Pejabat Pendaftar
56.	Puan Rosmala binti Abd. Rahim	Perpustakaan Sultan Abdul Samad

LAMPIRAN A
SENARAI KEHADIRAN

HADIR		
57.	Puan Wan Nahariah binti Wan Tahir	Pusat Pembangunan Akademik
58.	Encik Rosmi bin Othman	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi
59.	Puan Hamidah binti Meseran	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi
60.	Tuan Haji Mohd. Nizan bin Jaafar	Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset
61.	Puan Hasliza binti Zakaria	Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset
62.	Encik Mohd Ya'sak bin Masod	Pusat Kesihatan Universiti
63.	Encik Alzasha Illiyin bin Zainal Alam Pusat Islam	Pusat Islam
64.	Tuan Haji Latif bin Anwar	Bahagian Keselamatan
